

FATWA AUTHORITY IN GOVERNMENT INSTITUTIONS IN THE FEDERAL TERRITORY

AUTORITI FATWA DALAM INSTITUSI PEMERINTAHAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Zaini Nasohahⁱ & Nur Hazirah Zainal Abidinⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Profesor Madya, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). zbn@ukm.edu.my

ⁱⁱ Pelajar Pasca Siswazah, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). nhza198@gmail.com

Abstract	<p><i>The Mufti should have the highest official authority to represent the Sultan in giving decisions on Islamic law compared to other religious scholars. Any decision, law or fatwa issued by the Mufti must be the basis and belief of the community. Syariah Courts and Civil Courts can also take fatwas as one of the platforms in making judgments. Each state in Malaysia has a state Islamic religious administration act which provides for the establishment of a State Fatwa Committee and its functions. In the Federal Territory, the Mufti is the party who advises the Yang Di Pertuan Agong in matters of Islamic law. However, the current situation shows the fatwas that were decided were not complied with and some were even openly disputed on social media. This article aims to discuss the authority of fatwas in government institutions in the Federal Territory. The debate will also touch on the public's acceptance of the fatwas issued. Document analysis was performed on the provisions of the law as well as the fatwas involved. The interview method was used to obtain current information related to the approach used by the authorities in conveying fatwa information to the community and its effectiveness. Preliminary analysis found that the legal provisions related to fatwa authority were clear. Yet there are other factors that challenge its effectiveness.</i></p> <p>Keywords: <i>Fatwa, Authority, Government, Institutions, Courts.</i></p>
Abstrak	<p><i>Mufti sewajarnya mempunyai kuasa autoriti tertinggi yang rasmi mewakili Sultan untuk memberikan sesuatu keputusan hukum syarak berbanding dengan alim ulama yang lain. Sebarang keputusan, hukum atau fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti wajib menjadi landasan dan pegangan masyarakat. Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil juga boleh mengambil fatwa sebagai salah satu landasan dalam membuat penghakiman. Setiap negeri di Malaysia mempunyai akta pentadbiran agama Islam negeri-negeri yang memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Fatwa Negeri dan fungsinya. Di Wilayah Persekutuan, Mufti merupakan pihak yang menasihati Yang Di Pertuan Agong dalam hal hukum Syarak. Namun situasi semasa menunjukkan fatwa-fatwa yang diputuskan tidak dipatuhi malah ada yang dipertikaikan secara terbuka dalam media sosial. Artikel ini bertujuan membahaskan autoriti fatwa dalam institusi pemerintahan di Wilayah Persekutuan. Perbahasan akan turut menyentuh penerimaan masyarakat terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan. Analisis dokumen dilakukan terhadap peruntukan undang-undang berkenaan serta fatwa-fatwa terlibat. Kaedah temu bual</i></p>

	<p><i>digunakan bagi mendapatkan maklumat semasa berkaitan pendekatan yang digunakan oleh pihak berkuasa dalam menyampaikan maklumat fatwa kepada masyarakat dan keberkesannya. Hasil analisa awal mendapati, peruntukan undang-undang berkaitan autoriti fatwa telah jelas. Namun terdapat faktor-faktor lain yang memberi cabaran kepada keberkesannya.</i></p> <p>Kata Kunci: <i>Fatwa, Autoriti, Institusi, Pemerintahan, Mahkamah.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Fatwa merupakan sumber hukum Islam yang melibatkan proses membuat hukum untuk diterima pakai oleh umat Islam (Noor Naemah, 2020). Dalam konteks Malaysia, institusi fatwa merupakan institusi yang penting dalam sistem pemerintahan sesebuah Negara Islam. Umat Islam menjadikan institusi fatwa sebagai medium penting berkaitan hukum syarak yang kini berhadapan dengan tuntutan keperluan masyarakat dari semasa ke semasa. Pihak mufti juga dilantik secara rasmi oleh pemerintah melalui peruntukan undang-undang. Jawatan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa ditubuhkan melalui peruntukan undang-undang yang berperanan mengeluarkan fatwa sebagai panduan kepada masyarakat Islam dan kerajaan dalam berkara yang berkaitan dengan urusan agama Islam. Proses pengeluarannya juga diperbahar dan diputuskan mengikut kehendak hukum dan prosedur Syarak.

Sumber rujukan sesuatu fatwa adalah tetap dan tidak akan berubah. Ini kerana, sumber utama perundangan Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w sehingga ke hari ini ialah al-Quran dan al-Sunnah (Abd. Jalil Borham, 2002). Walaupun fatwa ini dibuat oleh Mufti, ia bukanlah semata-mata keputusan mufti, tetapi proses mengeluarkan fatwa itu melibatkan banyak pihak, terutamanya pihak-pihak yang bersangkutan dengan perkara mahu difatwakan. Setelah itu, fatwa juga hendaklah diwartakan sebelum ia boleh dikuatkuasakan. Sebagaimana di negeri-negeri lain, Wilayah-Wilayah Persekutuan mempunyai peruntukan undang-undangnya sendiri berkaitan fatwa. Menerusi peruntukan-peruntukan tersebut fatwa dan institusi fatwa mendapat autoritinya.

INSTITUSI FATWA DALAM PEMERINTAHAN DI MALAYSIA

Fatwa masa kini merupakan satu tanggungjawab yang sangat berat dari segi agama. Apabila sesuatu fatwa dikeluarkan, ia mudah tersiar di media massa dan tersebar di seluruh negara bahkan di seluruh dunia. Di Malaysia, mufti telah wujud seiring dengan kedatangan Islam. Secara rasminya, ia bermula dalam pentadbiran Inggeris yang mewujudkan peruntukan kewangan untuknya. Apabila jawatan mufti diterima dalam pentadbiran kerajaan, peruntukan ini dibuat di bawah tajuk 'agama'. Menurut Perlembagaan Persekutuan, fatwa terletak di bawah bidang kuasa negeri. Persoalan berkaitan penentuan dan penetapan hukum syarak akan dilaksanakan oleh negeri-negeri termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan (Nisar Mohammad Ahmad, 2020).

Dalam konteks Malaysia, mufti dan institusi fatwa adalah antara institusi yang boleh menetapkan dan mengeluarkan hukum yang memberi kesan perundangan, di samping badan perundangan persekutuan dan negeri serta mahkamah Syariah (Abdul Monir Yaacob, 2005). Kemunculan ICT dalam kehidupan manusia menyumbang kepada penyebaran fatwa-fatwa dengan para pengendalinya yang dianggotai oleh para ahli agama dan professional yang mempunyai pengetahuan dalam bidang Syariah. Begitu juga, kemunculan televisyen dan radio yang membolehkan para ulama dan mufti menjawab persoalan-persoalan masyarakat sama ada berbentuk rakaman mahupun bertanya soalan secara spontan, sedikit sebanyak membantu mengembangkan proses penyebaran fatwa. Ini menunjukkan perubahan aliran perkembangan fiqh dan fatwa dari jumud dan kebakuan kepada lebih terbuka di samping terdapat bantuan dari segi penyebaran melalui teknologi-teknologi semasa (Azman Ab Rahman, 2011).

Dalam konteks undang-undang Islam di Malaysia, walaupun terdapat panduan di dalam Akta dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam, keterikatan kepada sesuatu

mazhab terutama mazhab Syafie' tidak bersifat mutlak. Akan tetapi, tafsiran Hukum Syarak menjadi keutamaan kepada pemakaian pandangan dari mazhab Syafie'. Pandangan mazhab lain juga boleh diambil sekiranya keadaan memerlukan. Walau bagaimanapun, undang-undang Syariah yang digubal di Malaysia tidak terhad kepada mazhab Syafie' sahaja, tetapi mengambil kira pandangan mazhab lain. Mazhab fiqh masih lagi relevan kepada umah Islam. Umat Islam juga perlu melihat semula perbezaan pandangan ini sebagai suatu bukti keanjalan dan kedinamikan undang-undang Islam. Perbezaan pandangan bukan faktor kekurangan di dalam undang-undang Islam, sebaliknya perlu dilihat dari kaca mata yang positif. Ia sebagai suatu manifestasi dinamikanya undang-undang Islam. Selagi ia berteraskan pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah ia boleh dipegang umat Islam (Sinar Harian, 2020).

Menurut Yusuf al-Qardhawi (1996), cara menghormati dan memuliakan fuqaha dan ulama terdahulu bukan dengan bertaqlid dan mengikut sahaja pendapat secara semberono, tetapi mestilah mengikut dasar dan kaedah-kaedah yang mereka gunakan, iaitu dengan mengambil sumber yang menjadi rujukan iaitu al-Quran dan al-Sunnah serta pemikiran ilmiah mereka sebagai bahan rujukan tambahan. Sesebuah fatwa boleh menjadi tidak jelas jika dalil-dalil dan hujah-hujahnya tidak disertakan kerana perkara-perkara ini merupakan perkara asas dalam fatwa. Walaupun berlaku perbezaan pendapat di kalangan ulama, ia tidak seharusnya diperbesarkan sehingga boleh menimbulkan keraguan dikalangan masyarakat yang menjejaskan reputasi institusi ulama.

Di Malaysia, pihak yang berkuasa mengeluarkan fatwa adalah mufti di setiap negeri dan supaya fatwa itu mengikat ia hendaklah diwartakan dalam warta kerajaan. Walau bagaimanapun, ia hanya mengikat orang Islam dalam negeri berkenaan. Ini bermaksud, sesuatu kenyataan yang dikeluarkan oleh mufti tidak boleh dianggap sebagai fatwa sehingga ia digazetkan dan diisytiharkan dalam warta kerajaan. Mufti juga diberi kuasa meminda, mengubah dan memansuhkan fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 36 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Jika seseorang Islam mengingkarinya setelah fatwa tersebut diwartakan, maka ia boleh dikenakan tindakan di dalam enakmen di bawah kesalahan jenayah syariah kerana melanggar fatwa yang dikeluarkan oleh mufti atau Jawatankuasa Fatwa (Noor Naemah Abdul Rahman, 2020). Penyediaan peruntukan undang-undang dalam perkara hal ehwal agama Islam di negara ini adalah dalam dalam bidang kuasa negeri-negeri, kecuali Wilayah-wilayah Persekutuan di bawah kuasa Persekutuan/Parlimen. Secara khususnya, Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri memberi tafsiran kepada Hukum Syarak. Hukum Syarak bermaksud Hukum Syarak mengikut mazhab Syafi'e atau mengikut mana-mana Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

Manakala bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memberi tafsiran Hukum Syarak bererti Undang-undang Islam mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf. Walau bagaimanapun, dalam menentukan nas-nas yang hendak diikuti di bawah seksyen 39 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan Mufti hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan diterima (qaul muktamad) Mazhab Syafi'e. Di dalam Bahagian III dari seksyen 32 sehingga 39 telah memperuntukkan secara khusus berkenaan perlantikan Mufti, kuasa Hal Ehwal Agama dan Jawatankuasa Perunding Syarak. Seksyen 37 memperuntukkan tentang penubuhan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perunding Syarak, yang hendaklah terdiri daripada mufti sebagai pengerusi, Timbalan Mufti, dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis, tidak kurang dua orang yang dilantik oleh Majlis dan seorang pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah-Wilayah yang dilantik oleh Majlis yang hendaklah menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri. Majlis Fatwa Kebangsaan, walaupun boleh mengeluarkan Keputusan Muzakarah tetapi ia tidak terus boleh dijadikan undang-undang. Keputusan Muzakarah yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan mesti dibawa dan diputuskan oleh

negeri-negeri. Jawatankuasa Fatwa Negeri yang ditubuhkan di negeri-negeri akan membuat keputusan sama ada menerima Keputusan Muzakarah yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan atau sebaliknya (Mohd Aizam Mas'od, 2019). Fatwa tersebut akan diwartakan dan dikuatkuasakan oleh kerajaan negeri yang menerimanya. Apabila negeri tidak mewartakan fatwa tersebut, maka fatwa terbabit tidak boleh menjadi undang-undang yang membolehkan tindakan diambil (Noor Naemah Abdul Rahman, 2020).

Fatwa di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu fatwa yang diwartakan (menjadi undang-undang) dan fatwa yang tidak diwartakan (tidak boleh menjadi undang-undang). Bagi fatwa yang tidak diwartakan, mahkamah tidak boleh menggunakannya sebagai satu undang-undang. Walau bagaimanapun, hakim boleh memohon untuk menggunakan fatwa tersebut sebagai nasihat atau rujukan.

Struktur pentadbiran institusi fatwa negeri-negeri di Malaysia telah dikemaskini dengan memisahkannya daripada pentadbiran Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri dan Mahkamah Syariah di negeri masing-masing. Dalam erti kata lain, institusi fatwa dan mufti negeri di Malaysia telah menjadi satu badan tersendiri dengan bidang kuasa dan peranan yang khusus. Pengasingan ini diharapkan dapat memantapkan lagi institusi fatwa dan mufti, agar dapat bergerak bebas dan berfungsi dengan lebih berkesan tanpa terikat dengan Jabatan mahupun Majlis Agama (Farahwahida Mohd Yusof, 2011).

Apabila fatwa disiarkan di dalam warta, ia hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di negeri berkenaan dan menjadi kewajipan mematuhi serta berpegang dengan fatwa tersebut. Fatwa yang telah dikeluarkan terlebih dahulu boleh dibuat pindaan, ubah suai atau dibatalkan oleh mufti atau Jawatankuasa Fatwa yang baru. Sebarang pindaan, perubahan atau pemansuhan itu hendaklah diisytiharkan dalam warta kerajaan (Noor Naemah Abdul Rahman, 2020).

Meskipun ada fatwa negeri yang tidak diwartakan, umat Islam sewajarnya menghormati fatwa yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa dan pihak berautoriti. Hal ini kerana, wujudnya sesebuah institusi fatwa tersebut adalah sebagai tempat rujukan masyarakat yang diwujudkan oleh pihak pemerintah walaupun pada asalnya tiada kuasa undang-undang. Dengan kata lain, walaupun ada fatwa yang tidak diwartakan, hakikatnya ia tetap membimbing masyarakat Islam dalam menentukan tindakan beragama mereka. Membimbing rakyat dengan panduan agama adalah salah satu tanggungjawab pemerintah.

AUTORITI FATWA DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN

Perkembangan kedudukan fatwa di Malaysia adalah suatu yang unik dalam sejarah perundangan Islam negara ini, sekaligus menjadikan fatwa dan institusinya sebagai subjek penelitian yang penting dalam memahami perkembangan perundangan Islam dalam dunia kotemporari (Haslizawati Ramli, 2021). Pentadbiran Wilayah Persekutuan dikendalikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Tidak seperti negeri lain bagi Malaysia, Wilayah Persekutuan tidak ditadbir oleh kerajaan negeri, sebaliknya terletak di bawah pentadbiran Persekutuan dan diperintah Yang di-Pertuan Agong.

Oleh kerana Wilayah Persekutuan itu bukan sebuah negeri, ia tidak mempunyai Dewan Undangan Negeri. Segala undang-undang bagi Wilayah Persekutuan adalah dibuat oleh Parlimen dan Parlimen bertindak sebagai badan perundangan bagi Wilayah Persekutuan (Shamrahayu A. Aziz, 2018). Di Wilayah Persekutuan terdapat jawatankuasa Undang-Undang Majlis yang dianggotai oleh Mufti, tidak lebih dari dua orang menjadi ahli Majlis dan tidak kurang dari dua orang yang berkelayakan sama ada menjadi ahli Majlis atau tidak (Suwaid Tapah, t.t). Apabila Akta 505 ini memberi kuasa 'menasihat' kepada menteri, maka Yang di-Pertuan Agong adalah terikat dalam rangka doktrin bertindak mengikut nasihat (Shamrahayu A. Aziz, 2018). Bukti menunjukkan kuasa mufti di bawah pemerintahan iaitu seksyen 33 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 iaitu:

“Mufti hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini”.

Manakala, peruntukan fatwa telah dinyatakan dengan jelas menerusi perundangan Islam negeri dengan keabsahannya di bawah seksyen 34;

“Mufti hendaklah, atas perintah Yang di-Pertuan Agong, dan bolehlah, atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada Mufti, membuat dan menyiarkan dalam Warta suatu fatwa atau pendapat atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubungan dengan Hukum Syarak”.

Berdasarkan peruntukan di atas, menunjukkan fatwa yang diwarta oleh institusi fatwa mempunyai kesan perundangan dan berautoriti terhadap orang Islam dalam bidangnya. Jabatan Mufti Negeri merupakan salah sebuah institusi fatwa dan proses pewartaan dibuat oleh badan legislatif negeri sekali gus memberi kesan perundangan kepada fatwa tersebut. Manakala, perbezaan dari sudut pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI pada peringkat persekutuan bahawa fatwanya tiada kesan perundangan melainkan badan legislatif negeri yang mewartakannya (Anuar Ismail, 2021). Selain itu, pendapat mufti juga merujuk kepada apa yang dikemukakan oleh mufti sama ada pandangan peribadi, atau pandangan yang dikemukakan hasil muzakarah dan keputusan yang disepakati oleh mufti bersama Ahli Jawatankuasa Fatwa secara kolektif (Mohd Kamel Mat Salleh & Mohd Al Adib Samuri, 2020).

Dalam konteks sejarah Malaysia, fatwa dan mufti mempunyai kedudukan dalam sistem pemerintahan, keagamaan dan kehakiman di negeri-negeri Melayu. Peranan sebagai penasihat agama atau penasihat Sultan menjadikan mereka sebagai pakar rujuk hukum syarak sebelum kedatangan British lagi. Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama Islam telah melaksanakan beberapa langkah bagi merealisasikan pelaksanaan undang-undang Islam antaranya dengan menubuhkan pelbagai institusi pelaksana yang bertindak sebagai penasihat sultan seperti mufti, kadi, imam, khatib, *shaykh al-islam*, *shaykh al-ulama'*, dan *qadi malik al-'adil*. Semua jawatan yang diwujudkan ini berkait antara satu sama lain dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan hukum syarak, menyampaikan dakwah dan pendidikan, memberikan nasihat dan penerangan berkaitan hukum Islam, mengeluarkan fatwa, menjalankan tugas-tugas keadilan, mengetuai upacara rasmi negara dan menangani pelbagai persoalan yang berlaku dalam negeri (Auni Abdullah, 2005). Walaupun semua nama dan perjawatan yang disebutkan adalah berbeza, tetapi persamaan skop tugas sebagai penasihat Sultan atau kerajaan, menjadikan tanggungjawab yang mereka laksanakan adalah sama seperti mufti sekarang (Zaini Nasohah, 1998). Ini menunjukkan bahawa institusi fatwa sebenar telah lama wujud dalam sistem perundangan di negeri Melayu.

CABARAN MUTAKHIR DALAM MEMARTABAT AUTORITI FATWA

Mutakhir ini masyarakat Islam di negara kita dilanda polemik hal-hal hukum syarak berkaitan COVID-19 yang timbul dalam kalangan ilmunan dan *asatizah* sehingga menimbulkan kegelisahan kepada masyarakat awam bahawa siapa yang harus diikuti dalam isu tersebut. Ia merangkumi hal-hal berkaitan pelaksanaan ibadah semasa tempoh pandemik COVID-19 sehinggalah kepada yang terkini berkaitan pengambilan vaksin Covid-19. Keputusan muzakarah MKI berkaitan vaksin COVID-19 yang kemudiannya diadaptasi di peringkat fatwa negeri, telah disepakati secara ijtihad jamaie oleh ahli jawatankuasa. Hukum dan fatwa ini secara jelas menjadi dasar kepada kerajaan persekutuan dan negeri.

Apa yang mendukacitakan, penerimaan orang awam terhadap hukum yang diputuskan ini masih belum menyeluruh malah tidak diindahkan oleh segelintir masyarakat. Sebaliknya, ada yang cenderung mendengar pandangan yang diberikan oleh pihak lain yang tidak berautoriti termasuk petikan-petikan berita yang ditularkan dalam media elektronik.

Sama ada diwartakan ataupun tidak, ia sepatutnya menjadi panduan kepada umat Islam dalam negeri yang menfatwakannya, apatah lagi jika ia diwartakan maka ia akan mengikat orang Islam di dalam negeri untuk patuh kepada keputusan fatwa yang telah dibuat. Sesuatu keputusan pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan itu misalnya, walaupun ia tidak mengikat masyarakat dari segi undang-undang, ia merupakan satu jawatankuasa yang berautoriti dan tertinggi dalam membuat keputusan dalam penentuan hukum syarak di Malaysia. Institusi tersebut membuat keputusan setelah melalui kajian, perbahasan ilmiah dan percambahan idea yang melibatkan daripada mufti-mufti seluruh Malaysia, wakil-wakil akademik dan ahli profesional dalam bidang masing-masing.

Masyarakat awam perlu faham suatu pandangan hukum mahupun fatwa dikeluarkan sama ada oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) atau Jawatankuasa Fatwa Negeri, lazimnya telah melalui proses penyelidikan kemas dan mantap, serta dibahaskan terperinci anggota jawatankuasa. Ia bermula daripada kajian dan penyelidikan oleh pasukan penyelidik berkaitan fatwa yang mahu dikeluarkan. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa, keputusan tidak diambil melalui pandangan individu mahupun orang perseorangan, malahan mufti secara peribadi perlu menimbang segala pendapat dikemukakan ahli mesyuarat. Selepas keputusan dipersetujui, urus setia jawatankuasa akan mengarang 'sighah' atau teks fatwa untuk dibentangkan di hadapan Penasihat Undang-Undang Negeri. Seterusnya, ia mesti mendapat kelulusan dan pengesahan Ahli Mesyuarat Negeri dan Penasihat Undang-Undang. Sultan atau Raja Negeri mesti memberi perkenan untuk diwartakan dalam warta kerajaan (Mohd Kamel Mat Salleh, 2021). Berdasarkan kepada prosedur yang terperinci tersebut kewibawaan sesuatu fatwa tidak sewajarnya dipertikaikan, apatah lagi oleh orang awam. Menjadi kewajipan kepada orang awam untuk patuh kepada keputusan suatu institusi yang telah diberi mandat untuk mengendalikan hal-hal berkaitan hukum syarak oleh pemerintah. Penolakan yang berlaku dalam masyarakat awam mungkin disebabkan kurang kefahaman ataupun kurang maklumat berkaitan dengannya. Justeru langkah-langkah penambahbaikan perlu sentiasa diambil oleh pihak pemerintah untuk memastikan maklumat berkaitan fatwa sampai kepada masyarakat dan seterusnya dihormati sama ada menerusi nasihat ataupun tindakan penguatkuasaan undang-undang sebagaimana yang telah diperuntukkan.

KESIMPULAN

Mufti bertanggungjawab secara langsung dalam membantu dan menasihati sultan atau Yang Di Pertuan Agong dalam semua perkara berkaitan hukum syarak dan menjadi pihak berkuasa utama di negeri berkenaan selepas sultan atau Yang Di Pertuan Agong dalam perkara berkaitan fatwa. Jawatankuasa berkaitan fatwa sama ada di peringkat nasional mahupun negeri yang ditubuhkan adalah bertujuan untuk memberi pemahaman hukum syarak kepada masyarakat. Institusi fatwa merupakan pihak yang diberikan autoriti oleh pemerintah menerusi peruntukan Akta di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Di negeri-negeri lain, ia diperuntukan menerusi enakmen induk masing-masing. Dengan cabaran mutakhir yang mendatang, penambahbaikan perlu dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan fatwa dan institusi fatwa dihormati selaras dengan kedudukannya sebagai pihak paling berautoriti dalam hal hukum syarak.

RUJUKAN

Buku

Abd. Jalil Borham. 2002. *Pengantar Perundangan Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Abdul Monir Yaacob. 2005. *Ke Arah Mewujudkan Kerangka Perundangan Syariah yang lebih lengkap di Malaysia*. Dlm: Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.). Asas dan Kerangka Perundangan Negara Islam Malaysia, Ed. Ke 8. Kuala Lumpur: Institusi Kefahaman Islam Malaysia.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1996. *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*. Jakarta, Penerjemah: Ahmad Nuryadi Asmawi.
- Auni Abdullah. 2005. *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Mohd Kamel Mat Salleh & Mohd Al Adib Samuri. 2020. *Autoriti Fatwa & Pendapat Mufti dalam Undang-Undang di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bangi: UKM Press.
- Nisar Mohammad Ahmad, Abidah Abdul Ghafar & Adzidah Yaakob. 2019. *Pengantar Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Nilai: USIM.

Tesis

- Zaini Nasohah. 1998. *Perkembangan Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia Sehingga Tahun 1990-an*. Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jurnal

- Azman Ab Rahman. 2011. *Penguatkuasaan Fatwa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa: Infad. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Suwaid Tapah. t.t. *Undang-Undang Pentadbiran Fatwa di Malaysia*. Jurnal Syariah Vol. 2.

Akta

- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Internet

- Peranan Seri Paduka Sebagai Ketua Agama. Peranan Seri Paduka Sebagai Ketua Agama. Undang-Undang Ahmad Ibrahim. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia UIAM. <http://irep.iium.edu.my/67228/> (diakses pada 25 Jun 2020).
- Kesatuan Dalam Perbezaan Fiqh. <https://www.sinarharian.com.my/article/88776/KOLUMNIS/Kesatuan-dalam-perbezaan-Fiqh> (diakses pada 25 Jun 2020).

Temubual

- Anuar Ismail. Ketua Pengarah Malaysia International Islamic Fiqh Academy (MIIFA) JAKIM. 23 Februari 2021.
- Haslizawati Ramli. Penolong Pengarah Kanan Malaysia International Islamic Fiqh Academy (MIIFA) JAKIM. 23 Februari 2021.
- Mohd Aizam Mas'od. Ketua Unit Buhuth Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 9 Januari 2019.
- Mohd Kamel Mat Salleh, Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Muzakarah dan Panel Pakar Bahagian Penyelidikan JAKIM. 23 Februari 2021.
- Noor Naemah Abdul Rahman, Ahli Jawatankuasa Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan. 17 April 2020.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.